

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

---

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **DATUK WILSON UGAK ANAK KUMBONG  
[ HULU RAJANG ]**

**TARIKH** : **3 JULAI 2019 (RABU)**

**SOALAN NO. 139**

**Datuk Wilson Ugak Anak Kumbong [ Hulu Rajang ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan sekiranya pihak Kementerian bercadang untuk :-

- (a) membina menara komunikasi di Long Busang, Lusong Laku dan di Data Kakus; dan
- (b) menaik taraf menara komunikasi di luar bandar seperti di Punan Bah, Belaga dan Nanga Stapang, Sg. Gaat, Baleh, Kapit kepada 4G.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, tiada teknologi yang bersesuaian untuk mengatasi cabaran-cabaran ini dalam usaha untuk menyediakan perkhidmatan jalur lebar di kawasan-kawasan yang tidak mempunyai prasarana seperti bekalan kuasa elektrik dan kemudahan jalan raya di kawasan-kawasan tersebut kerana ianya memerlukan kos yang sangat tinggi dan kesukaran untuk kerja-kerja penyelenggaraan.
2. Manakala di kawasan Punan Bah, Belaga dan Nanga Stapang, Sg Gaat terdapat 2 lokasi menara yang sedang memberikan perkhidmatan 3G.
3. Pihak Kerajaan akan meneruskan usaha untuk menyediakan perkhidmatan di kawasan-kawasan berpenduduk melalui percubaan pelbagai teknologi yang baharu untuk mendapatkan satu penyelesaian yang paling efektif supaya perkhidmatan dapat disediakan bagi jangka masa yang panjang.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KE DUA,  
PARLIMEN KE EMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO  
[ BATU KAWAN ]**

**TARIKH : 03 JULAI 2019**

**RUJUKAN : 11644**

**SOALAN :**

**Puan Kasthuriraani A/P Patto [ Batu Kawan ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan permohonan kewarganegaraan yang dalam proses mengikut pecahan etnik, umur dan jantina, apakah pembaharuan dalam SOP untuk memproses permohonan kewarganegaraan dan apakah KPI untuk satu permohonan yang lengkap memandangkan wujud pemohon yang perlu menunggu selama 50 tahun untuk memperoleh kewarganegaraan walaupun dengan dokumen lengkap.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan kepada rekod Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) sehingga 15 Jun 2019, terdapat sebanyak 105,872 permohonan kewarganegaraan yang sedang dalam proses. Daripada jumlah tersebut, 47,653 permohonan dikemukakan oleh lelaki manakala 58,219 pula dikemukakan oleh wanita. Perincian mengikut julat umur adalah seperti mana berikut:

<b>Julat Umur (Tahun)</b>	<b>Jumlah (Permohonan)</b>
59 ke bawah	93,993
60 dan ke atas	11,879
<b>Jumlah Keseluruhan (Permohonan)</b>	<b>105,872</b>

Berhubung dengan perincian mengikut etnik, dimaklumkan bahawa perekodan permohonan kewarganegaraan adalah berdasarkan maklumat negara asal pemohon. Sehubungan dengan itu, lima buah negara asal tertinggi adalah dari Indonesia sebanyak 39,425 permohonan, Filipina sebanyak 12,409 permohonan, China sebanyak 10,099 permohonan, India sebanyak 9,162 permohonan dan Thailand sebanyak 5,860 permohonan.

Seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kementerian Dalam Negeri (KDN) sedang memuktamadkan pengemaskinian prosedur pengendalian standard (SOP) permohonan kewarganegaraan. Penambahbaikan tersebut adalah berdasarkan kepada peruntukan di bawah Bahagian III Perlembagaan Persekutuan, *Citizenship Rules* 1964 [LN.82/1964] serta perundangan berkaitan seperti pendaftaran perkahwinan, peraturan imigresen, keberadaan yang sah dan lain-lain. Selain itu, ia juga mengambil kira pelbagai aspek iaitu kebajikan pemohon tanpa mengabaikan keselamatan dan kesejahteraan warganegara sedia ada.

## SOALAN: 140

Berhubung dengan isu *key performance index* (KPI) bagi tempoh pemprosesan kewarganegaraan seperti mana dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, dimaklumkan bahawa fakta dan dokumen sokongan yang dikemukakan oleh setiap pemohon akan diteliti secara *case-by-case* mengikut giliran yang sewajarnya (*first-in, first-out*) sebelum keputusan dikeluarkan. Sehubungan dengan itu, tiada tempoh tertentu yang ditetapkan bagi pengeluaran keputusan dan ia berbeza-beza mengikut keperluan kes termasuklah tempoh mendapatkan laporan tapisan keselamatan yang dijalankan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY**  
**[PENKALAN CHEPA]**  
**TARIKH : 3 JULAI 2019 (RABU)**

**SOALAN NO .141**

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah penambaan yang dirancang oleh kementerian dalam menangani masalah kekurangan air ke sawah padi terutamanya musim kemarau,

- (a) berapa jumlah peruntukan yang disalurkan bagi mengatasi masalah tersebut; dan
- (b) berapa jumlah kerugian yang ditanggung pesawah di Kelantan akibat kekurangan bekalan air pada musim lalu.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, antara langkah-langkah penambahbaikan yang dirancang oleh kementerian adalah membekalkan pam-pam sokongan dan mudah alih di lokasi-lokasi yang ditetapkan serta pembinaan *Shallow Tubewell*.
  - (a) Jumlah keseluruhan peruntukan yang disalurkan bagi mengatasi masalah kekurangan air di kawasan sawah padi adalah sebanyak **RM 3,057,130.70**; dan
  - (b) Anggaran kerugian yang dialami oleh petani KADA ialah sejumlah **RM 20,580,024.00**.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' DR. HAJI NOOR AZMI BIN GHAZALI  
[ BAGAN SERAI ]**

**TARIKH : 3 JULAI 2019 (RABU)**

**SOALAN NO. 142**

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan mengapakah pesawah–pesawah padi memilih untuk menggunakan benih padi yang tidak sah dan apakah tindakan Kementerian untuk mencegah keadaan ini dari terus berleluasa.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tidak dapat dinafikan terdapat pesawah memilih untuk menggunakan benih padi yang tidak sah kerana faktor harga dan terpengaruh dengan dakwaan bahawa sesuatu benih tersebut berupaya memberikan hasil yang lebih tinggi. Penggunaan benih padi tidak sah berlaku dalam dua keadaan iaitu:

- i) Varieti padi baharu diisytiharkan tetapi tidak mencukupi di pasaran; dan
- ii) Apabila benih padi dijual secara berpakej.

Kebiasaannya, bagi varieti yang baru diisytiharkan, pengeluaran benih padi sah adalah terhad berbanding dengan permintaan petani. Oleh itu, petani akan berusaha mendapatkan varieti tersebut daripada sumber yg tidak sah yang diperolehi hasil daripada petak-petak LVT (*Local Variety Trial*).

Sementara itu, terdapat pembekal yang menjual benih padi secara berpakej bersama racun khas dengan harga di antara RM80.00 hingga RM100.00. Permintaan benih padi tidak sah berlaku kerana terdapat petani yang mahu menggunakan varieti benih tersebut tanpa pakej berikutan harga yang lebih rendah iaitu di antara RM40.00 hingga RM50.00.

Antara langkah Kementerian untuk menurunkan kadar penggunaan benih tidak sah oleh pesawah adalah melalui sesi libat urus dan kempen penggunaan benih padi sah melalui Jabatan Pertanian Malaysia (DOA), Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Lembaga Kemajuan Pertanian kemubu (KADA), Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP).

Kementerian juga telah menubuhkan pasukan petugas khas (*Task Force*) bagi membuat pemeriksaan mengejut terhadap sebarang aduan kewujudan benih padi tidak sah. Selain itu, proses pemilihan dan audit bagi pembekal benih padi sah juga diperketatkan mengikut spesifikasi dan prosedur operasi standard (SOP) yang telah ditambah baik. Petani yang membeli padi tidak sah juga tidak layak menerima Skim Insentif Benih Padi Sah (IBPS) dari pembekal-pembekal benih padi yang dilantik oleh pihak Kementerian.

Rang Undang-Undang Kualiti Benih Tanaman juga sedang digubal bagi memberikan peruntukan kuasa dalam mengekang pengeluaran dan penggunaan benih padi tidak sah di masa akan datang.

Sekian, terima kasih.